

ISU

SISWA IKAT PERUT

Pendedahan BH dapat perhatian menteri



➔ Peruntukan RM3j perluas program Food Bank Malaysia ke semua kampus UA

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
Suhaila.sahrul@nstp.com.my

Putrajaya

Pendedahan BH mengenai nasib pelajar Universiti Malaya (UM) terpaksa menahan lapar kerana kesempitan kewangan, mendapat perhatian Kabinet yang mahu bantuan segera dihulur kepada mahasiswa memerlukan di semua universiti awam (UA).

Serentak itu, kerajaan turut meluluskan peruntukan RM3 juta kepada program Food Bank Malaysia untuk diperluaskan ke kampus UA, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) bertanggungjawab mengendalikan program mengedar bekalan makanan kepada golongan sasaran.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata laporan isu mahasiswa 'ikat perut' oleh akhbar ini sejak Ahad lalu, mendapat perhatian Jemaah Menteri dan beliau sendiri berhubung dengan 20 timbalan naib cancellor UA yang bersetuju mengadakan program Food Bank Malaysia di kampus masing-masing dengan segera.

Selesai isu secepat mungkin

"Isu mahasiswa lapar ini secara peribadi amat dekat di hati saya dan saya akan berikan sepenuh masa untuk selesaikan isu kepayahan mahasiswa ini secepat mungkin," katanya pada sidang media bersama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, di sini semalam.

BH pada Ahad lalu mendedahkan sebilangan pelajar UM terpaksa mencatu wang saku diberi keluarga, berjimat cermat, mengikat perut dengan hanya makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung pada sebuku roti untuk dua hari akibat kesempi-



Guan Eng bersama Saifuddin (kiri) menunjukkan gambar program Food Bank Malaysia pada sidang media di Putrajaya, semalam.



Operasi Food Bank Malaysia di kampus akan dikendalikan sendiri oleh mahasiswa dengan sokongan KPDNHEP dan rakan strategik kementerian dari kalangan NGO, iaitu Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Foodbank"

Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

tan kewangan.

Saifuddin berkata, operasi Food Bank Malaysia di kampus akan dikendalikan sendiri oleh mahasiswa dengan sokongan KPDNHEP dan rakan strategik kementerian dari kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Foodbank.

Kementerian juga, katanya, menjadi penghubung serta pemudahcara dalam mendapatkan komitmen dari pasar raya di seluruh negara untuk menyumbang lebih makanan yang masih selamat dimakan bagi tujuan pengagihan oleh rakan strategik berkenaan.

Program bermula di UKM

"Sejak Food Bank Malaysia dilancar secara rasmi 22 Disember lalu, kementerian berjaya mendapatkan komitmen 430 pasar raya untuk menyumbang lebih makanan yang masih selamat dimakan," katanya sambil menambah, program itu dimulakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 26 Februari lalu dan di UM pada 7 Mac.

Beliau berkata, pihak universiti dan persatuan mahasiswa yang ditemuinya baru-baru ini, turut menyatakan komitmen memberi sokongan penuh kepada program berkenaan seperti menyediakan kemudahan logistik di kampus masing-masing.

"Sebahagian universiti ada sekolah pengurusan hotel, jadi mereka ada dapur dan memudahkan barang (mentah) yang dikumpul dari pasar raya dimasak. Persatuan

mahasiswa juga memberikan komitmen akan menyediakan suka-relawan untuk tugas pengagihan dan memasak," katanya.

Mengenai kaedah mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan bantuan, Saifuddin berkata, pihak universiti akan menyediakan senarai lengkap pelajar daripada keluarga B40.

"Ada sebuah universiti di Pantai Timur melaporkan mereka ada 1,700 pelajar dari keluarga berpendapatan RM1,000 ke bawah. Malah, berdasarkan laporan yang saya terima, secara purata hampir 50 peratus pelajar di UA hari ini datang dari keluarga B40," katanya.

Katanya, KPDNHEP juga dalam proses merangka rang undang-undang mengenai pelaksanaan bank makanan di Malaysia untuk dibentangkan di Parlimen, dijangka pada hujung tahun ini.

Sementara itu, Guan Eng berkata, Food Bank Malaysia adalah inisiatif awam-swasta untuk memperluas capaian bank makanan yang ditubuhkan NGO dan pihak swasta bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada pihak yang memerlukan dengan sebaik-baiknya.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]